BERITA HARIAN

Bantu bentuk komuniti digital inklusif

Mei 17, 2023 @ 10:12am



Dunia digital hari ini membolehkan kita memanfaatkan teknologi dan internet untuk mengakses ilmu atas permintaan. Segalanya dari perkhidmatan hingga kandungan pembelajaran, boleh diakses pada bila-bila masa, dari mana-mana sahaja. Dipacu oleh keyakinannya bahawa setiap orang harus dapat menikmati manfaat daripada digitalisasi, Maxis telah melaksanakan program outreach yang bertujuan untuk menyediakan akses yang lebih baik untuk kandungan digital bagi komuniti dari luar bandar.

Salah satu program ini adalah eKelas, inisiatif yang dilancarkan oleh Maxis tujuh tahun yang lalu bagi menyokong pelajar terutamanya dari komuniti luar bandar dengan akses percuma kepada kandungan pendidikan digital selepas waktu sekolah, dan bagi guruguru berpengalaman untuk berhubung secara maya untuk pembelajaran yang terbimbing.

Hari ini, pelajar dari Tahun 4 hingga Tingkatan 5 boleh memanfaatkan pembelajaran berdasarkan pengalaman dalam Sains, Matematik, Bahasa Inggeris, BM dan Sejarah, menggabungkan tutorial langsung, pembelajaran berkumpulan, dan pertandingan melalui portal dan aplikasi eKelas. Mereka juga boleh memohon skim geran pelajar sebagai ganjaran untuk peningkatan prestasi akademik mereka di sekolah.



Berdasarkan pengajaran dan maklum balas dari pelajar, guru dan ibu bapa sejak beberapa tahun kebelakangan, program ini telah dipertingkatkan dengan kandungan baru dan ditambahbaik, dikaji semula dan disempurnakan lagi dengan pengalaman pengguna yang lebih baik melalui portal dan aplikasi yang diperbaharui.

Untuk mendaftar dengan eKelas hari ini, pelajar hanya perlu melawat <u>www.ekelas.com.my</u> atau memuat turun aplikasi mudah alih eKelas dari App Store atau Google Play.

Membina kehadiran digital yang lebih kukuh untuk perniagaan kecil

Realitinya, digitalisasi telah menjadi satu keperluan bagi semua lapisan masyarakat. Dengan PKS dan mikro-PKS menjadi penyumbang penting kepada ekonomi Malaysia, Maxis ingin menyokong perniagaan kecil dengan kemahiran digital. Setelah membangunkan eKelas sebagai platform pendidikan, Maxis mula mendekati usahawan dari komuniti-komuniti luar bandar untuk menjalankan bengkel pemasaran digital di beberapa negeri sebagai sebahagian daripada projek perintisnya.

Sambutan terhadap program ini sangat menggalakkan, dengan kebanyakan peserta bersemangat untuk belajar bagaimana memperluaskan pangkalan pelanggan mereka. Didorong oleh pencapaian yang positif ini, pada tahun 2021, Maxis melancarkan eKelas Usahawan sebagai program pemasaran digital yang terstruktur. Matlamatnya adalah untuk memberi lebih banyak peluang kepada usahawan wanita untuk membina kemahiran digital yang lebih kukuh dengan modul-modul mudah yang merangkumi tip dan kemahiran asas dalam pemasaran, fotografi digital, penulisan salinan, dan perancangan kempen pemasaran dan pengiklanan melalui platform dalam talian dan media sosial.

Sambutan terhadap eKelas Usahawan sangat positif. Sejak pelancarannya, hampir 3,000 usahawan dan pemilik perniagaan kecil telah menyertai program ini secara fizikal atau melalui webinar untuk belajar bagaimana mengaplikasikan kemahiran digital asas dalam perniagaan masing-masing, bagi meraih lebih banyak kesedaran dan menjangkau lebih banyak pelanggan.

Maxis terus mengembangkan program ini dengan rancangan untuk menjalankan lebih banyak bengkel di negeri-negeri lain agar lebih ramai usahawan dapat menikmati manfaat digitalisasi dengan cepat. Peserta yang berminat sama ada usahawan sedia ada atau mereka yang beraspirasi untuk menjadi usahawan, digalakkan untuk mendaftar untuk eKelas Usahawan secara percuma

di https://www.maxis.com.my/en/about-maxis/corporate-responsibility/.